

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 JULY 2017

Mahathir 'ajar' jauh jauhi Kit Siang, DAP

UM - 23/7/2017 pg. 4

SEGAMAT 22 Julai - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah individu yang bertanggungjawab 'mengunci' pemikiran masyarakat supaya tidak mendekati Lim Kit Siang dan DAP.

Sehubungan itu kata Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Mahdzir Khalid, masyarakat tidak boleh menerima tindakan pemimpin Pakatan Harapan itu yang kini sudah membuat pusingan-U apabila duduk semeja dan berkawan dengan parti terbabit.

Ini kerana menurutnya, selama berpuluh-puluh tahun Dr. Mahathir menyatakan kepada rakyat terutama orang Melayu bahawa DAP tidak boleh dibuat kawan dan rasis sehingga semua orang takut dengan parti berkenaan.



MAHDZIR KHALID

"Dia sendiri yang tanam dalam pemikiran orang Melayu pasal Kit Siang selama 30 tahun, hari-hari dia cakap tapi hari ini dia *reversed* dan *U-turn*, macam mana orang boleh

terima," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Sekiang di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua UMNO bahagian, Datuk Dr. Baharom Mohamed; Ahli Parlimen Sekiang, Anuar Abdul Manap dan Ahli De-

wan Undangan Negeri (ADUN) Kemelah, Datuk Ayub Rahmat.

Terdahulu, Mahdzir dalam ucapannya berkata, ahli UMNO sememangnya tidak boleh menerima tindakan Dr. Mahathir kerana dahulu beliau sendiri yang mengajar supaya tidak berbuat demikian.